

**PEMAHAMAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MENGENAI PERLAKUAN BULI
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH
KERIAN PERAK**

ROZALIZA BINTI ABDUL MANAP

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015 -

2015 -

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pemahaman guru-guru Pendidikan Islam tentang buli, jenis-jenis buli, lokasi kekerapan buli, faktor-faktor penyebab buli, tindakan menangani buli dan pendekatan mencegah buli. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan melibatkan 167 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di 21 buah sekolah menengah seluruh Daerah Kerian. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengumpulkan data kajian. Kajian mendapati 87.2% daripada responden memahami tentang buli; 83.4% responden memahami jenis-jenis buli iaitu buli langsung, buli lisan, buli fizikal, buli lisan bukan fizikal dan gangguan seksual; 84% responden setuju buli berlaku di sekolah; 77.7% responden bersetuju buli berlaku disebabkan oleh faktor keluarga, sekolah dan rakan sebaya. Responden juga memberikan pandangan tindakan-tindakan untuk menangani buli adalah dengan melaksanakan pendekatan secara Islam, kerjasama daripada setiap guru dan mengadakan kempen anti buli. Majoriti responden memahami semua aspek yang berkaitan dengan perlakuan buli dalam kalangan pelajar dan turut berusaha dan bekerjasama untuk mencari penyelesaian agar perlakuan buli dapat ditangani dan dicegah agar tidak semakin serius. Dengan itu, dicadangkan pendekatan secara Islam sebagai cara yang boleh digunakan untuk membendung perlakuan buli dalam kalangan pelajar.



**UNDERSTANDING OF THE ISLAMIC EDUCATION TEACHERS ABOUT
BULLYING BEHAVIOUR AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN
THE DISTRICT OF KERIAN, PERAK.**

ABSTRACT

This research study aimed to determine the understanding of the Islamic Education teachers about terms of bullying, types of bullying, the prevalence location of bullying happen, the factors that caused bullying, actions to address bullying and bullying prevention approaches. The study used a quantitative method is a survey involving 167 teachers who teach an Islamic Education in 21 schools throughout the District of Kerian. A questionnaire was used as an instrument to collect data. The findings of this study indicated that 87.4% of respondents understand the terms of bullying; 83.2% respondents understood the types of bullying which are direct bullying, verbal bullying, physical bullying, verbal rather than physical bullying and sexual harassment; 84% respondents agreed that prevalence location of bullying happened at the school; 77.7% respondents agreed bullying occurred due to family, school and peers factors. Respondents also give their views on actions to deal with bullying is to implement an Islamic approach, cooperation of each teachers and anti-bullying campaigns. Of their understanding of all aspects related to bullying among students and also try and work together to find out solutions to bullying can be addressed and prevented more serious. Thus, an Islamic approach is one of the way that can be used to curb bullying among students.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Signifikan Kajian	12
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Kerangka Konsep	15

1.9 Definisi Operasional	20
1.9.1 Pemahaman Guru Pendidikan Islam	20
1.9.2 Perlakuan Buli	21
1.9.2.1 Definisi Perlakuan Buli	21
1.9.2.2 Jenis-Jenis Perlakuan Buli	22
1.9.2.3 Lokasi Kekerapan Kejadian Perlakuan Buli	23
1.9.3 Faktor-Faktor Perlakuan Buli	23
1.9.3.1 Faktor Keluarga	24
1.9.3.2 Faktor Sekolah	24
1.9.3.3 Faktor Rakan Sebaya	25
1.9.4 Tindakan untuk menangani Perlakuan Buli	26
1.9.5 Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli	26
1.10 Rumusan	27
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	28
2.2 Pengertian Perlakuan Buli	29
2.3 Jenis-jenis Perlakuan Buli	32
2.4 Lokasi Perlakuan Buli	38
2.5 Faktor-faktor Penyebab Perlakuan Buli	45
2.5.1 Faktor Keluarga	46
2.5.2 Faktor Sekolah	50
2.5.3 Faktor Rakan Sebaya	52
2.6 Teori Yang Mendasari Kajian	56
2.6.1 Teori Kawalan Sosial/Teori Ikatan Sosial Oleh Travis Hirschi's	56

2.6.1.1	Hubungan Rapat	57
2.6.1.2	Komitmen	60
2.6.1.3	Penglibatan	61
2.6.1.4	Kepercayaan	62
2.6.2	Pendekatan Imam Hasan Al-Banna Menerusi Hubungan baik	65
2.7	Pencegahan Perlakuan Buli	68
2.7.1	Program Intervensi Sosial Dan Pencegahan	70
2.7.1.1	Program Intervensi Model Olweus	71
2.8	Pengenalan Pendidikan Islam Dalam Kurikulum	76
2.8.1	Konsep Akhlak Dalam Pendidikan	80
2.8.2	Pendidikan Akhlak Dalam Pendidikan Islam	87
2.8.3	Pendidikan Akhlak Menurut Pandangan Ibnu Maskawaih	93
2.9	Rumusan	97
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	103
3.2	Reka Bentuk Kajian	104
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	104
3.4	Instrumen Kajian	105
3.4.1	Pembinaan Instrumen Kajian	107
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	109
3.5.1	Kesahan Pakar	109
3.5.1.1	Kesahan Konstruk dan Kandungan	110
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumen	111

3.5.2.1 Kajian Rintis	112
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	114
3.7 Prosedur Penganalisan Data	115
3.8 Rumusan	116
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pendahuluan	118
4.2 Latar Belakang Responden Kajian	119
4.2.1 Jantina	119
4.2.2 Umur	120
4.2.3 Pengalaman Mengajar	120
4.2.4 Jawatan Khas di Sekolah	121
4.3 Analisis Deskriptif	123
4.3.1 Persoalan Kajian 1: Apakah Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam?	123
4.3.2 Persoalan Kajian 2: Apakah Jenis-jenis Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam?	129
4.3.2.1 Buli Langsung	129
4.3.2.2 Buli Lisan	130
4.3.2.3 Buli Fizikal	131
4.3.2.4 Buli Lisan Bukan Fizikal	132
4.3.2.5 Gangguan Seksual	133
4.3.3 Persoalan Kajian 3: Di manakah lokasi kekerapan perlakuan buli mengikut pemerhatian Guru Pendidikan Islam?	135
4.3.4 Persoalan Kajian 4: Apakah Faktor-faktor penyebab perlakuan buli mengikut pemahaman Guru Pendidikan Islam?	138

4.3.5	Persoalan Kajian 5: Apakah tindakan yang dilaksanakan untuk menangani perlakuan buli dalam kalangan pelajar pada pandangan Guru Pendidikan Islam?	149
4.3.6	Persoalan Kajian 6: Apakah Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar Menurut Pandangan Guru Pendidikan Islam?	153
4.4	Rumusan	160
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	165
5.2	Ringkasan Kajian	166
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	167
5.3.1	Latar Belakang Responden	167
5.3.2	Perbincangan Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	169
5.3.3	Perbincangan Jenis-Jenis Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	174
5.3.4	Perbincangan Lokasi Kekerapan Perlakuan Buli Mengikut Pemerhatian Guru Pendidikan Islam	181
5.3.5	Perbincangan Faktor-Faktor Penyebab Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	182
5.3.5.1	Faktor Keluarga	183
5.3.5.2	Faktor Sekolah	189
5.3.5.3	Faktor Rakan Sebaya	194
5.3.6	Perbincangan Tindakan Yang dilaksanakan Untuk Menangani Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar	197

5.3.7	Perbincangan Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar	199
5.4	Implikasi Kajian	205
5.5	Implikasi Teori	208
5.5.1	Teori Kawalan Sosial	208
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	212
5.6.1	Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian	213
5.6.2	Kajian Lanjutan	216
5.7	Rumusan	218
	RUJUKAN	221




SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jenis-jenis perlakuan buli	36
2.2 Ringkasan Teori Kawalan Sosial Hirschi terhadap kenakalan yang dikaitkan dengan tingkah laku buli	63
3.1 Penentuan Saiz Sampel Kajian Tinjauan	105
3.2 Skor Skala Likert Bagi Pernyataan Positif dan Pernyataan Negatif	108
3.3 Penilaian Keseluruhan Oleh Pakar	111
3.4 Item Yang Dibaiki Berdasarkan Penilaian Pakar	111
3.5 Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i>	114
3.6 Ringkasan Penggunaan Statistik Dalam Pengujian Objektif Kajian	116
4.1 Taburan Bilangan Responden Mengikut Jantina.	119
4.2 Taburan Umur Guru Pendidikan Islam	120

4.3	Taburan Pengalaman Mengajar Guru Pendidikan Islam.	121
4.4	Taburan Jawatan Khas Di Sekolah Yang Disandang Oleh Guru Pendidikan Islam.	122
4.5	Perlakuan Buli Secara Fizikal Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	125
4.6	Perlakuan Buli Secara Lisan Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	126
4.7	Perlakuan Buli Secara Bukan Lisan Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	127
4.8	Kekerapan Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	128
4.9	Jenis-jenis Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	134
10	Taburan Kekerapan dan Peratus Lokasi Kejadian Perlakuan Buli Mengikut Pemerhatian Guru Pendidikan Islam	135
4.11	Taburan Kekerapan dan Peratus Faktor Keluarga sebagai Penyebab Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar	141
4.12	Taburan Kekerapan dan Peratus Faktor Sekolah Sebagai Penyebab Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar	145
4.13	Taburan Kekerapan dan Peratus Faktor Rakan Sebaya Sebagai Penyebab Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar	148
4.14	Taburan Kekerapan dan Peratus Tindakan Yang Dilaksanakan Untuk Menangani Perlakuan Buli Mengikut Pandangan Guru Pendidikan Islam	152
4.15	Taburan Kekerapan dan Peratusan Proses <i>Ta'aruf</i> Dalam Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli Menurut Pandangan Guru Pendidikan Islam	154
4.16	Taburan Kekerapan dan Peratusan Proses <i>Tafahum</i> Dalam Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli Menurut Pandangan Guru Pendidikan Islam	156

4.3	Taburan Pengalaman Mengajar Guru Pendidikan Islam.	121
4.4	Taburan Jawatan Khas Di Sekolah Yang Disandang Oleh Guru Pendidikan Islam.	122
4.5	Perlakuan Buli Secara Fizikal Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	125
4.6	Perlakuan Buli Secara Lisan Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	126
4.7	Perlakuan Buli Secara Bukan Lisan Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	127
4.8	Kekerapan Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	128
4.9	Jenis-jenis Perlakuan Buli Mengikut Pemahaman Guru Pendidikan Islam	134
10	Taburan Kekerapan dan Peratus Lokasi Kejadian Perlakuan Buli Mengikut Pemerhatian Guru Pendidikan Islam	135
4.11	Taburan Kekerapan dan Peratus Faktor Keluarga sebagai Penyebab Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar	141
4.12	Taburan Kekerapan dan Peratus Faktor Sekolah Sebagai Penyebab Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar	145
4.13	Taburan Kekerapan dan Peratus Faktor Rakan Sebaya Sebagai Penyebab Perlakuan Buli Dalam Kalangan Pelajar	148
4.14	Taburan Kekerapan dan Peratus Tindakan Yang Dilaksanakan Untuk Menangani Perlakuan Buli Mengikut Pandangan Guru Pendidikan Islam	152
4.15	Taburan Kekerapan dan Peratusan Proses <i>Ta'aruf</i> Dalam Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli Menurut Pandangan Guru Pendidikan Islam	154
4.16	Taburan Kekerapan dan Peratusan Proses <i>Tafahum</i> Dalam Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli Menurut Pandangan Guru Pendidikan Islam	156

4.17	Taburan Kekerapan dan Peratusan Proses <i>Ta'awuun</i> Dalam Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli Menurut Pandangan Guru Pendidikan Islam	158
4.18	Taburan Kekerapan dan Peratusan Proses <i>Takaful</i> Dalam Pendekatan Untuk Mencegah Perlakuan Buli Menurut Pandangan Guru Pendidikan Islam	160



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1	16

Kerangka konsep Pemahaman Guru Pendidikan Islam terhadap perlakuan buli dalam kalangan pelajar

SENARAI SINGKATAN

&	-	dan
et.al	-	dan lain-lain
H.R	-	Hadis Riwayat
ISRA	-	<i>International Society for Research on Aggression</i>
Jld.	-	jilid
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
ms	-	muka surat
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
r.a	-	rodiallahua'nha
S.A.W	-	Sallallah Alaihi Wasalam
S.W.T	-	Subhanahu Wa Taala
SMS	-	<i>Short Message System</i> (Sistem Pesanan Ringkas)
UNICEF	-	<i>United Nations International Children's Emergency Fund</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A** Senarai Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Kerian Dan Bilangan Guru Pendidikan Islam.
- B** Borang Soal Selidik
- C** Surat Kelulusan Khas Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian-bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
KP(BPPDP)603/5/JLD.16(27) – 11 Mac 2014
- D** Surat Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-sekolah Di Negeri Perak Di Bawah Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
J.Pel.Pk (AM)5114/4 Jld.15 (28) – 31 Mac 2014
- E** Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Di Sekolah Menengah Di Daerah Kerian.
PPD.KRN.(PT)200/216/01. Jld. 4 (92) – 7 April 2014
- F** Aliran Proses Kajian

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Buli boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk keganasan berkadar rendah yang berlaku di sekolah dan biasanya dilabelkan sebagai jenis sub agresif yang bertujuan untuk membuktikan bahawa mangsa buli adalah lebih lemah daripada pembuli. Buli juga merupakan perbuatan pelanggaran yang disengajakan dan berlaku pada ketetapan masa ke masa (Baldry & Farrington, 2005). Buli merupakan perbuatan memukul dan mengusik, serta bentuk yang paling pasif adalah pengecualian daripada aktiviti perbualan dan bermain (*Organisation for Economic Co-operation and Development*,

2009). Fenomena ini telah dikenal pasti pada tahun 1960-an lagi di Sweden, yang merupakan masalah terbesar kepada mangsa dan keluarga mereka serta boleh membawa kepada masalah kegagalan di sekolah, *anomie* dan rendah diri. Menurut Nicholson (2007), buli boleh menyebabkan kejadian bunuh diri dan insiden buli di tempat kerja dan di rumah juga mungkin berlaku.

Buli dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah bukanlah satu fenomena baru, kerana isu ini telah dikaji sejak sekian lama (O'Moore & Hillery, 1989; MacDougall, 1993). Kebanyakan orang dewasa boleh mengingati kejadian buli sama ada mereka sebagai pembuli atau mangsa buli. Malah, persepsi umum mengatakan bahawa membuli adalah satu pengalaman yang agak biasa dan tidak berbahaya kepada kebanyakan pelajar yang terlibat. Walau bagaimanapun, masalah buli merupakan masalah yang serius dan perlu kepada tindakan segera untuk mengatasinya (Noran Fauziah, et.al. 2002; 2004).

Secara keseluruhannya, perlakuan buli mendatangkan kesan yang sangat besar terhadap emosi pelajar dan keselamatan di sekolah. Perlakuan buli dikenal pasti sebagai situasi serangan dari satu pihak di mana, penyerang kelihatan lebih berkuasa daripada mangsa yang biasanya jarang akan membalas atau tidak membalas semula. Bentuk perlakuan buli yang wujud sama ada secara langsung atau tidak langsung akan memberi implikasi negatif kepada perkembangan dan pertumbuhan pelajar sama ada yang menjadi mangsa buli atau mereka yang terlibat dengan perlakuan buli ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dunia pendidikan di Malaysia semakin tercabar dengan masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Antara masalah disiplin atau salah laku pelajar yang semakin mendapat perhatian adalah perlakuan buli yang kesannya merupakan kecederaan yang teruk dan kematian.

Pada bulan Mei 2011, seorang pelajar tingkatan tiga dibelasah sehingga patah tulang rusuk oleh sekumpulan pelajar senior yang menuduhnya kurang ajar dalam satu kejadian buli di asrama sebuah sekolah menengah di Kuala Lipis. Mangsa dikatakan telah dipukul dan ditendang beberapa kali oleh pelajar senior pada masa dan waktu yang berlainan (Mohd. Fauzi, 2011). Kejadian pada bulan April 2013 pula, seorang pelajar sebuah sekolah sukan di Seksyen 11, Shah Alam terpaksa menanggung derita apabila dipukul, disepak, dipijak dan ditumbuk kira-kira 20 pelajar tingkatan lima sekolah berkenaan hingga separuh nyawa, kerana dituduh mencuri kasut bola milik senior (Ekhwan & Norul, 2013).

Ada juga pelajar yang menemui ajal hanya kerana dibuli dan dibelasah dengan teruk oleh golongan yang tidak bertanggungjawab ini. Sikap suka membuli ini telah menjadi semakin kronik dan mangsa buli pula semakin tiada tempat untuk mengadu terutamanya di sekolah (Nasir King, 2009). Kenyataan ini dibuktikan dengan kes buli pada bulan Jun 2010, di mana seorang pelajar tingkatan empat sekolah itu, Muhammad Naim Mustakim Mohd Sobri, telah maut dipercayai akibat dibuli. Mangsa ditendang di perut ketika didenda melakukan tekan tubi bersama 28 pelajar

junior lain kerana tidak menjaga kebersihan bilik asrama mereka (Hardi Effendi, 2010).

Pada bulan September 2013 pula, seorang pelatih Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), ditemui mati di bilik air Kem Pinggiran Pelangi, Rompin, Pahang. Mangsa, Muhammad Suhaimi Norhamidi yang berumur 18 tahun, ditemui terbaring oleh rakan lain. Laporan bedah siasat menunjukkan ada kesan lebam di belakang telinga mangsa akibat pukulan objek tumpul (Syazwan, 2013). Pada Februari 2014, kejadian di Kajang, Selangor melibatkan seorang pelajar lelaki tingkatan 1 bertindak membunuh diri dengan meminum racun serangga akibat tidak tahan dibuli. T. Kaviraj, sebelum itu sering mengadu kepada ibunya yang dia sering diejek beberapa rakan sekolahnya dengan panggilan budak bodoh, selain mereka turut mempersendakan nama bapanya (Skuad, 2014).

Sekolah seharusnya menjadi kawasan yang selamat untuk pertumbuhan dan perkembangan anak-anak. Iklim sekolah yang selamat dan selesa dapat mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan malah pembentukan akhlak yang mulia kepada para pelajar juga. Sebarang ancaman dan rasa tidak selamat yang wujud dalam kalangan pelajar akibat perlakuan buli, sedikit sebanyak mengganggu proses pembelajaran mereka.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar. Faktor-faktor tersebut melibatkan faktor diri pelajar, keluarga, sekolah dan persekitaran terutama media massa dan rakan sebaya (Hernandez, 2013).

Menurut Azizi Yahaya et.al. (2008), faktor perlakuan buli dikatakan berpunca

daripada kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan dan kawalan oleh ibu bapa atau penjaga. Selain itu, tekanan hidup, kesibukan bekerja, mengejar kemewahan dan terlibat dengan aktiviti sosial lain sehingga ahli keluarga tiada masa untuk bersua muka, bercakap, berbincang dan berdampingan antara satu sama lain juga dikatakan sebagai faktor penyebab perlakuan buli. Faktor persekolahan juga didapati mempengaruhi masalah buli yang berpunca daripada guru disiplin yang tegas dan keterlaluan dalam menjatuhkan hukuman kepada pelajar tanpa mengira latar belakang keluarga dan sebab pelajar melakukan perkara tersebut (Abdul Latif, 2005). Faktor persekitaran pula merujuk kepada pengaruh media massa, rakan sebaya, sikap masyarakat setempat serta budaya masyarakat yang mendorong pelajar melakukan perbuatan membuli.

Jika dilihat dari pandangan ajaran Islam, perlakuan buli adalah sesuatu yang amat bertentangan dengan naluri dan fitrah kejadian manusia di sisi Allah S.W.T. Malahan tingkah laku buli juga boleh dikategorikan sebagai suatu perbuatan yang zalim ke atas seseorang individu. Sebagaimana Allah S.W.T. telah berfirman yang bermaksud:

“Orang-orang yang berbuat zalim tidak ada seorang penolong pun baginya.”

(Surah al-Baqarah:270)

“Dan Allah tidak menyukai orang-orang yang zalim.”

(Surah Ali Imran:57)

Dewasa ini, kejadian buli di sekolah kian menjadi-jadi. Pelbagai kes dilaporkan di media massa dan menjadi kebimbangan bukan sahaja pihak individu, malah ibu bapa, sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru juga memainkan peranan yang besar dalam menangani permasalahan ini. Guru Pendidikan Islam berperanan sebagai *Muaddib* (pembentuk adab) kepada para pelajar (Ab. Halim & Khadijah,. 2004). Sebagai guru Pendidikan Islam seharusnya perlu lebih memahami tentang masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sebelum berusaha dan bertindak menanganinya dalam usaha untuk mewujudkan pelajar yang berakhlak mulia dan sesuai dengan tuntutan Islam.

1.3 Penyataan Masalah

Dunia pendidikan masih lagi dilingkari dengan masalah disiplin dan akhlak pelajar seperti *vandalisme*, gejala buli, pergaduhan, kegiatan samseng, memukul guru dan membakar sekolah. Guru seharusnya sedar dan prihatin bahawa masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar ini sangat mendukacitakan. Menurut Mahadi Khalid (2007), kebanyakan pelajar yang terlibat dengan tingkah laku buli tidak menyedari bahawa tingkah laku yang dilakukan itu adalah tingkah laku buli dalam kalangan mereka sendiri. Mereka menganggap tingkah laku itu adalah biasa sahaja berlaku dalam kalangan mereka seperti tidak mempedulikan orang lain, mengusik seseorang, menipu dan membohongi orang lain dan sebagainya. Oleh itu, pelajar terbabit tidak menyedari bahawa tingkah laku yang ditunjukkan itu merupakan tingkah laku buli.

Terdapat juga perlakuan buli yang tidak mengakibatkan kecederaan fizikal tetapi memberi kesan kepada emosi mangsa. Perlakuan ini bukan sahaja mendatangkan ketidakselesaian kepada mangsa malah boleh mengakibatkan kecacatan fizikal serta trauma yang teruk. Besag (1989) menyatakan bahawa, pelajar yang terlibat dalam perlakuan buli semasa zaman persekolahan berpotensi untuk terlibat dalam kegiatan jenayah apabila dewasa kelak. Oleh itu, masalah ini perlu diberi lebih perhatian agar generasi masa depan akan terhindar daripada mengalami masalah sosial yang sangat serius.

Oleh kerana bilangan dan keseriusan insiden buli ini semakin meningkat, ramai ibu bapa bimbang bahawa masalah ini semakin mengancam dan di luar kawalan. Mereka menuntut supaya sekolah-sekolah dan dasar melakukan sesuatu dan sebagai tindak balas, kerajaan dan pihak berkuasa pendidikan merangka cara-cara baru untuk menangani masalah ini seperti memberikan pelajar strategi untuk mengelak daripada perlakuan buli, dan memberikan latihan kepada guru-guru untuk berurusan dengan penjenayah (Hernandez, 2013).

Menurut Azizi et.al. (2008), kajian tentang buli masih perlu dijalankan sama ada di peringkat institusi-institusi tertinggi mahupun secara individu agar dapat mencari jalan penyelesaian yang paling berkesan untuk menangani masalah buli dalam kalangan pelajar. Ini kerana, kejadian buli semakin membimbangkan pelbagai pihak terutamanya ibu bapa dan para guru. Apatah lagi, insiden buli ini mengakibatkan kecederaan yang parah dan juga kematian dalam kalangan pelajar.

Kebanyakan masalah buli yang berlaku di sekolah sering dipandang ringan oleh guru. Ini disebabkan, pelajar jarang melaporkan kejadian buli yang berlaku kepada guru mereka. Guru juga dikatakan tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk menangani masalah ini sekiranya berlaku di sekolah. Kenyataan ini menyokong kajian persepsi guru tentang buli yang dilakukan oleh Bradshaw et.al. (2007) kepada guru-guru di Amerika Syarikat.

Pihak pentadbir khususnya guru besar atau pengetua dan guru-guru umumnya, harus peka mengenai masalah ini. Mereka harus mengetahui dan memahami konsep, faktor penyebab, tempat insiden buli dan aspek berkaitan isu buli. Jika guru dapat mengesan kes buli yang berlaku di sekolah, perkara ini harus diambil berat dan diberikan perhatian serius. Jika kes ini berlaku di dalam kelas, guru perlu menghentikannya segera serta mengambil maklumat dan butiran. Guru perlu melaporkan kepada pihak pentadbir supaya insiden itu direkodkan dan diambil tindakan sewajarnya. Tindakan segera perlu dilakukan oleh pihak pentadbir berasaskan peraturan sedia ada (Hernandez, 2013).

Senario di Malaysia, orang Melayu yang beragama Islam terlibat dengan jenayah buli dan dera. Perkara ini dilihat menjejaskan imej Islam yang dibawa, sedangkan Islam merupakan agama yang tidak membenarkan penganutnya melakukan perkara yang boleh mengakibatkan kecederaan dan kesakitan kepada orang lain. Tindakan kononnya ingin menunjuk kekuatan diri dengan membuli pelajar lain adalah satu tindakan yang salah dari sudut agama Islam dan pasti bercanggah dari sudut perundangan negara. Sabda Nabi Muhammad S.A.W dalam satu hadis yang diriwayatkan dari Al-Nu'man bin Basyir r.a yang bermaksud: